


Siri Tafakkur & Tafagguh



SAINS AL-QURAN

CETUSAN AYAT-AYAT SAINTIEFIK
MENERUSI AL-QURAN

7.12285
AHM

AHMAD YAKOB

“Al-Quran ini serupa kita tengok dalam kebun. Kita lalu saja, kita tengok pokok comey, bunyi burung tapi setakat lalu saja. Tapi kalau kita berhenti tengok, kita masuk dalam kebun, kita dapat tengok keindahan dalamnya. Serupa juga al-Quran, kita baca dengan tajwid betul kita dapat pahala, kalau tidak faham maknanya pun kita dapat pahala.”



هدیه کفایت بر عزم تون

plus

8/5/1440 H.

PUSTAKA PERDANA



1012381

SAINS AL-QURAN

CETUSAN AYAT-AYAT SAINTIFIK
MENERUSI AL-QURAN

AHMAD YAKOB



Cetakan Pertama - 2018

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disim-
pan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan
alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada UKMB
RESOURCES

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN 978-967-16008-2-5

1. Ahmad Yakob, Dato' Bentara Kanan. 2. Islam and Science.
I. Judul.
-

Penerbit

UKMB Resources
Tingkat 1, Bangunan PAS, Jalan Dato' Pati,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel/Fax: 09-7470497
Emel: ukmbkelantan@gmail.com

Penulis

Ahmad Yakob, Dato' Bentara Kanan

Penyunting

Mohd Asri Mat Daud

Reka letak/Reka atur

Nor Zuriana Mokhtar
Nik Mohamad Azreen Nik Yahya

Dicetak oleh:

Pustaka Aman Press Sdn Bhd
Kota Bharu, Kelantan.

KANDUNGAN

Sekapur Sireh

Tafakkur dan Tafaqquh Juz 1 Perumpamaan Nyamuk dalam Al-Quran	1
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 2 Kematian adalah Satu Peringatan	5
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 3 Proses Kejadian Manusia	9
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 4 Tidur yang Sihat	13
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 5 Al-Quran tiada Tandingannya	17
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 6 Kesan Makanan Haram	19
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 7 Bintang sebagai Petunjuk	23
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 8 Kuasa Angin	27
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 9 Hati yang Faqih	31
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 10 Teknologi Kenderaan	33

Tafakkur dan Tafaqquh Juz 11	37
Penciptaan Matahari dan Bulan	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 12	41
Kejadian Langit dan Bumi	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 13	45
Kejadian Kilat dan Petir	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 14	49
Bukit dan Gunung sebagai Pasak Bumi	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 15	53
Kebangkitan selepas Kematian	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 16	55
Seluruh Makhhluk dijadikan Berpasangan	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 17	59
Sifat Tergesa-gesa Melahirkan <i>Stress</i>	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 18	61
Penciptaan Haiwan untuk Kemudahan Manusia	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 19	65
Kehebatan Bayang-bayang Ciptaan Allah	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 20	69
Keajaiban Kejadian Siang dan Malam	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 21	71
Kehebatan Daya Apungan Air	
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 22	75
Teknologi Besi Melalui Paparan Al-Quran	

Tafakkur dan Tafaqquh Juz 23	
Keunikan Mata Manusia	79
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 24	
Kematian dan Kehidupan Dua Kali bagi Manusia	81
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 25	
Sifat Manusia Melalui Faktor Genetik	83
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 26	
Langit tidak Bertiang dan Partikel Asap	87
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 27	
Pergerakan Awan dan Kejadian Hujan Lebat	89
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 28	
Pengaktifan Sel Otak Melalui Amalan Derma	91
Tafakkur dan Tafaqquh Juz 29 & 30	
Ledakan Bintang dan Matahari	95
Penutup	97
Bibliografi	98



“Besarlah harapan saya agar rakyat Kelantan dapat terus menggilap ilmu di dalam bidang Al-Quran. Ini kerana, dengan Al-Quran kita akan dapat menguasai ilmu-ilmu yang lain dan muncul sebagai para ulama. Para ulama inilah yang menggunakan segenap keupayaan dan pengetahuan yang ada demi menyebarkan kefahaman Al-Quran dalam masyarakat.”



Sekapur Sireh

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya siapkan risalah tazkirah pendek bagi setiap juz Al-Quran ini. Tazkirah ini saya namakan Sains Al-Quran; Cetusan Ayat-Ayat Saintifik Menerusi Al-Quran bagi memaparkan mukjizat Al-Quran dalam aturan kehidupan manusia di dunia ini.

Dalam 30 juz Al-Quran mengandungi teramat banyak ayat-ayat yang menukikan tentang penemuan saintifik yang tidak terduga oleh akal manusia. Jika para pembaca Al-Quran mentadabbur keseluruhan ayat-ayat berkenaan, akan didapati pelbagai ilmu dan kajian saintifik yang boleh mengingatkan kita kepada kuasa keagungan Allah SWT.

Oleh yang demikian, ramai kalangan saintis yang tidak beragama Islam akhirnya memilih untuk menganut Islam setelah mereka membuat kajian terhadap kandungan ayat-ayat suci Al-Quran. Sekiranya umat Islam turut membaca Al-Quran dengan tafakkur kepada maknanya, maka akan lahirlah kefahaman mendalam yang akan menatijahkan pelaksanaan kepada titah perintah Allah SWT melalui Al-Quran.

Semoga perkongsian ringkas melalui buku kecil ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada pembaca budiman khususnya dalam berinteraksi dengan Kitabullah yang menjadi petunjuk sekalian manusia.

Sekian,

AHMAD BIN YAKOB

PERUMPAMAAN NYAMUK DALAM AL-QURAN

Tazkirah berkaitan ayat-ayat sains yang saya namakan sebagai Tadabbur dan Tafaqquh ini lebih menjurus kepada pemerhatian terhadap kejadian dan ciptaan Allah untuk dijadikan pengajaran kepada kita semua. Dalam juz pertama, Allah telah membawakan perumpamaan seekor nyamuk untuk ditadabbur serta dikaji perkaitan dengan kehidupan seharian kita.

Firman Allah SWT.


إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا ۗ فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۗ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا ۗ يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا ۗ وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ

SAINS AL-QURAN

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, seperti nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya). Maka adapun orang-orang yang beriman, maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula, maka mereka akan berkata: Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini? (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan ramai orang yang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan ramai orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik. (Al-Baqarah: 26)

Nyamuk adalah sejenis serangga yang terlalu kecil dan penghisap darah. Sekali lihat, ia adalah suatu makhluk yang hina dan tidak mempunyai apa-apa kelebihan. Namun, jika ditadabbur serta dikaji, nyamuk boleh mendengar melalui antenanya sama dengan fungsi telinga manusia. Melalui kajian tentang indera pendengaran nyamuk sahaja, manusia boleh mencipta mikrofon yang terbaik dan mampu menangkap suara yang sangat perlahan.





Mengikuti saintis, jika dibuat penelitian melalui mikroskop dan diperbesarkan 400 kali, kita akan dapat menyaksikan di kepala nyamuk terdapat 100 mata, ada sekitar 48 gigi di mulutnya dan memiliki 3 jantung. Ini bermakna, daripada seekor nyamuk sahaja, kita dapat menyaksikan betapa lemahnya manusia dan tiada kemampuan untuk mencipta sesuatu yang lebih kecil daripada nyamuk. Jadi, apa sebab manusia ingin menyombong diri dan berlagak seolah-olah dialah yang berkuasa di muka bumi. Tadabburlah ayat Allah, nescaya ianya menginsafkan kita.

“Mengikut saintis, jika dibuat penelitian melalui mikroskop dan diperbesar 400 kali, kita akan dapat menyaksikan di kepala nyamuk terdapat 100 mata, ada sekitar 48 gigi di mulutnya dan memiliki 3 jantung.”


KEMATIAN ADALAH SATU PERINGATAN

Tafakkur kali ini memfokuskan keagungan serta kuasa Allah SWT dalam membangkitkan semula orang mati. Dalam juz kedua ada dinyatakan melalui sepotong ayat berkenaan kisah penduduk sebuah kampung yang lari daripada penyakit taun kerana bimbangkan kematian. Lalu setelah berhijrah ke perkampungan lain, Allah mematikan mereka. Seorang nabi yang melalui kawasan berkenaan dikatakan namanya adalah Nabi Syam'un telah berdoa agar Allah menghidupkan mereka semula. Kisah ini dirakamkan melalui firman Allah:

أَلَمْ تَر إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

Maksudnya: "Tidakkah engkau ketahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka: 'Matilah kamu' kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpahkan kurnia-Nya kepada manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur. (Al-Baqarah: 243)

ISBN 978-967-16008-2-5



9 789671 600825